



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS SEBUT HARGA

SEBUT HARGA NO : KDN/PB/SB/006/2021

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera** di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori dan pengkhususan berkaitan sebagaimana di bawah :-

NAMA PROJEK	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	NO. SEBUT HARGA	TARIKH DAN ALAMAT BAGI PENGAMBILAN DOKUMEN DAN LAWATAN TAPAK
KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN SYSTEM PENDAWAIAN PA SYSTEM DAN AUDIO VISUAL DI DEWAN GEMILANG, BLOK D1, KOMPLEKS D, KEMENTERIAN DALAM NEGERI DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN.	Berdaftar dengan CIDB Gred G2 Berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB Gred : G2 Kategori : E Pengkhususan : E11	KDN/PB/S B/006/2021	9 Ogos 2021 (Isnin, 9.00pg) sehingga 13 Ogos 2021 (Jumaat, 12.00tgh) Alamat : Bahagian Khidmat Pengurusan Aset, Aras 6, Blok D2, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya. En. Harundin (+60133603923) (Untuk lawatan & pengambilan dokumen, sila buat janji temu terlebih dahulu bersama pegawai yang dinamakan)

2. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan Sosial oleh KKM dan MKN.
3. Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**, walaubagaimana pun bagi memastikan maklumat projek ini adalah jelas, pihak kontraktor boleh menghubungi pegawai yang dinamakan untuk sesi lawatan tapak dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya perlu. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang **Asal** dan **Salinan** semasa menghadiri lawatan tapak tersebut. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK, SPKK dan STB yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. SOP standard Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hendaklah sentiasa dipatuhi dalam setiap urusan.

4. Dokumen Sebut harga akan dikeluarkan kepada Kontraktor-kontraktor yang memiliki pendaftaran yang masih sah semasa mengambil dokumen sebut harga. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki membawa **perakuan/sijil PPK, SPKK, STB** yang **Asal** beserta satu **Salinan** sijil-sijil tersebut. Dokumen Sebut harga boleh diambil secara percuma di alamat seperti dinyatakan di atas.

5. Borang Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 2, BLOK D1, KOMPLEKS D, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari, 16 Ogos 2021 (Isnin)**.

Nama Penandatangan
Jawatan
Tarikh

.....
Tandatangan ✓
.....
ZAITON BINTI YAHYA
.....
Setiausaha Bahagian Pembangunan
Kementerian Dalam Negeri
.....
Malaysia